


Hari Kluster Penyelidikan UniMAP 2008



Pengurusan Kluster Penyelidikan (R&D) UniMAP dengan kerjasama Pejabat Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) telah menganjurkan Hari Kluster UniMAP 2008 pada 17 Julai 2008 lalu. Sambutan Hari Kluster Penyelidikan UniMAP adalah merupakan lanjutan daripada penganjuran bengkel kluster penyelidikan pada tahun 2006 yang lalu. Hari Kluster UniMAP 2008 yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua staf akademik dan juga beberapa institusi pendidikan dan industri mengenai progres aktiviti yang telah dijalankan oleh kluster penyelidikan UniMAP sepanjang penubuhan serta perancangan kluster penyelidikan di UniMAP pada masa akan datang. Sambutan Hari Kluster Penyelidikan UniMAP pada kali ini mendapat sambutan dari industri dan institusi pendidikan di seluruh negeri Perlis. Bagi Pertandingan Kluster Terbaik UniMAP 2008, Kluster Microelectronics & Nanotechnology telah dinobatkan sebagai Kluster Terbaik UniMAP pada tahun ini.